

Misuari tetap dihantar pulang ke Filipina — PM

UM 2, 1 DEC 2001

CHANGLUN 20 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pemimpin Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) Nur Misuari yang ditahan ketika cuba memasuki negara ini tetap akan dihantar pulang ke Filipina.

Menurutnya, walaupun Malaysia berasa serba salah dalam isu tersebut, namun undang-undang perlu dilaksanakan dengan tegas supaya perkara seperti itu tidak berulang lagi.

“Kita berjanji kalau ada orang yang terlibat dengan keganasan masuk ke negara kita, kita akan tahan dan hantar balik,” tegasnya kepada pemberita selepas menghadiri majlis perkahwinan anak Setiausaha UMNO Bahagian Kubang Pasu dekat sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan peguam Nur Misuari yang menghantar surat kepadanya baru-baru ini untuk memohon suaka politik sementara sebelum dihantar ke negara ketiga.

Dalam pada itu, laporan dari Manila menyebut Menteri Luar, Datuk Seri

Syed Hamid Albar mengadakan pertemuan peringkat tertinggi dengan pegawai Filipina mengenai kedudukan Misuari, di ibu negara itu hari ini. Turut hadir ialah Menteri Luar Indonesia, Hasan Wirayuda.

Laporan AP itu yang memetik Setiausaha Rendah Luar Filipina, Lauro Baja berkata: “Kami akan beritahu mereka mengenai pendirian kerajaan Filipina mengenai Misuari dan bertanyakan pandangan dan penilaian mereka”.

Nur Misuari yang juga Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao ditahan oleh pihak berkuasa Malaysia ketika cuba memasuki negara ini secara haram melalui perairan Sabah pada 24 November lalu.

Pemimpin MNLF itu kini menghadapi tuduhan pemberontakan di Manila selepas beliau mengisytiharkan perang terhadap kerajaan Filipina.

Menurut Perdana Menteri, beliau belum lagi melihat surat yang dihantar oleh peguam Nur Misuari itu dan bersedia untuk menelitinya.

Bagaimanapun, kata-

nya, tindakan tegas tetap diambil dalam kes tersebut kerana Nur Misuari telah membuat angkara di negaranya sendiri.

“Itu janji kita. Kita tidak boleh mungkir janji. Kalau tidak orang kita pula lari ke sana dan di sana dia buat angkara, jadi kita terpaksa ambil tindakan yang tegas mengikut undang-undang,” ujarnya.

Ditanya sama ada tindakan tegas itu bermakna menghantar Nur Misuari pulang ke negaranya, Dr. Mahathir berkata: “Ya, sepatutnya dia tidak datang ke sini tetapi dia buat angkara di negeri dia, dia lari ke sini. Dia menyebabkan kita serba salah, kita tidak mahu bermusuh dengan orang lain,” katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau kesal dengan tindakan Nur Misuari yang melarikan diri ke sini selepas keadaannya tersepit apabila berperang dengan kerajaan Filipina.

Beliau memberitahu, buat masa ini kerajaan Malaysia belum menetapkan sebarang tarikh untuk menghantar pemimpin MNLF itu ke negara asalnya.